

## BAB 1

### PENGENALAN KEPADA RASUAH DAN ANTIRASUAH

Objektif bab ini:

- a. Mengenal pasti jenis-jenis kesalahan rasuah yang utama
- b. Memahami elemen-elemen rasuah
- c. Menerangkan perbezaan antara rasuah dan integriti

#### 1.1 Pendahuluan

##### 1.1.1 Definisi Rasuah

Rasuah ditakrifkan sebagai sebarang penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), 2022). Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskau. Rasuah memerlukan penglibatan dua pihak iaitu pihak yang memberi sogokan (penyogok) dan pihak yang menerima sogokan. Kebiasannya, orang yang memberi sogokan yang dipersalahkan kerana melanggar undang-undang negara dan etika kerja. Namun, si penerima rasuah juga perlu dipersalahkan terutama sekali apabila mereka tidak melaporkan tentang kegiatan rasuah itu kepada pihak yang bertanggungjawab.

Terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu meminta atau menerima rasuah, menawar atau memberi rasuah, membuat tuntutan palsu, dan menyalahgunakan jawatan atau kedudukan. Dalam erti kata lain, perbuatan melakukan rasuah bukanlah hanya melibatkan pemberian dan penerimaan wang semata-mata. Membuat tuntutan palsu juga dikategorikan sebagai satu kesalahan rasuah. Bab-bab seterusnya akan membincangkan jenis-jenis kesalahan rasuah yang lain yang mungkin selama ini para pembaca tidak sedar bahawa itu sebenarnya merupakan suatu kesalahan jenayah rasuah.